

Media Title : Utusan Malaysia
Headline : 30,069 aduan penipuan kewangan dalam 7 bulan
Date : 12 June 2023
Section : Dalam Negeri
Page : 7



30,069 aduan penipuan kewangan dalam 7 bulan

Oleh MASZUREEN HADZMAN dan
NURAINA HANIS ABD. HALIM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 30,069 panggilan membatikan pelbagai kes penipuan kewangan dan pertanyaan direkodkan sejak Oktober lalu hingga April tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Datuk Seri Mustafar Ali berkata, daripada jumlah itu, 11,858 panggilan melibatkan mangsa *scammer* membatikan kerugian RM104.8 juta.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 3,595 kes penipuan telah disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dengan curang dan mendorong supaya menyerahkan harta. Kita juga berjaya membuka 33 kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AM-LATFPUAA) 2001 dengan menyelamatkan RM34.8 juta milik mangsa daripada dikaut penjenayah.

“Kesemua wang diselamatkan boleh diserahkan semula kepada mangsa namun ia mengambil masa kerana perlu melalui beberapa proses perundangan yang diputuskan oleh mahkamah,” katanya di sini baru-baru ini.

“

Jenayah *scammer* dilihat sangat membimbangkan apabila trend yang sentiasa berubah sehingga ada mangsa daripada golongan profesional.”

MUSTAFAR ALI



Menurut Mustafar, berdasarkan penilaian risiko kebangsaan (NRA) oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (NCC), terdapat lima jenayah kewangan iaitu isu penipuan, narkotik, rasuah, penyeludupan dan jenayah terancang serta jenayah alam sekitar.

Katanya, namun jenayah penipuan atau *scammer* dilihat sangat membimbangkan apabila trend yang sentiasa berubah sehingga ada mangsa daripada golongan profesional selain ia merentasi sempadan melibatkan mangsa dan suspek di negara lain.

Bagaimanapun, jelas beliau, penubuhan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) pada

Oktober tahun lalu melalui kerjasama agensi penguat kuasa serta pihak bank membantu menangani isu penipuan dalam menyelamatkan wang mangsa daripada dikaut *scammer* melalui proses tertentu.

“NSRC ini menggabungkan sumber dan kepakaran daripada NFCC, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), institusi-institusi perbankan serta syarikat perkhidmatan telekomunikasi yang sangat membantu dalam penyiasatan dan tindakan agensi terlibat.

“Ramai yang tidak tahu mengenai kewujudan ini jadi kita sangat menyeru mana-mana individu yang menjadi mangsa

atau telah berkongsi maklumat peribadi perbankan kepada mereka tidak dikenali atau *scammer* terus melaporkan kepada NSRC atau 997. Dari situ, mangsa kemudian akan dibantu ejen untuk membuat laporan bagi tindakan lanjut dijalankan antaranya pembekuan akaun bank dan sebagainya.

“Ini kerana kegiatan penipuan ini melibatkan banyak lapisan, daripada akaun keldai kemudian akan dipindahkan ke akaun keldai lain. Panggilan aduan ini mampu memastikan wang mangsa dapat diselamatkan, jika tidak sepenuhnya mungkin sebahagiannya daripada ia dikaut penjenayah,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, kewujudan NSRC telah membantu penguat kuasa dalam usaha menangani jenayah penipuan yang berleluasa.

“Kerjasama pelbagai agensi bagi melalui NSRC banyak menambahbaik dari segi tindakan polis membantu mangsa *scammer* yang sebelum ini tiada pembelaan secukupnya. Kita sangat mengalu-alukan individu yang merasakan dirinya menjadi mangsa *scammer* terus membuat laporan secepat mungkin kepada NSRC kerana pelbagai tindakan boleh diambil daripada pihak polis hinggalah kepada pihak bank,” ujarnya.